



**GARISPANDUAN BAGI PERJALANAN RENTAS SEMPADAN**  
**MELALUI DARAT & LAUT**  
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
(Dikemaskini pada 23 Julai 2022)

**TARIKH BERKUATKUASA:**

1. Syarat-syarat bagi perjalanan rentas sempadan melalui darat dan laut yang dihuraikan dalam dokumen ini adalah **berkuatkuasa sehingga 31 Julai 2022**.

**PERJALANAN MUSTAHAK:**

2. Perjalanan rentas sempadan melalui darat dan laut adalah hanya **dibenarkan** bagi perjalanan-perjalanan mustahak seperti berikut:
  - (a) Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang akan membuat perjalanan darat dan laut bagi keadaan atau tujuan yang mendesak.
  - (b) Atas urusan pekerjaan, atau persekolahan dan dilaratkan juga kepada perjalanan ulang alik (*commute*) atas tujuan tersebut.
  - (c) Perjalanan transit.
  - (d) Perkhidmatan-perkhidmatan kecemasan (seperti ambulans, polis dan tentera).
  - (e) *Transport operators\** yang berdaftar di dalam dan luar negara bagi tujuan penghantaran bekalan impot dan eksport yang penting.
  - (f) Krew/petugas kapal laut yang membuat perjalanan laut atas urusan pekerjaan/mustahak.

*\*Syarikat-syarikat yang membuat pengangkutan dan penghantaran barangan kepunyaan syarikat-syarikat yang berdaftar ataupun barangan persendirian, menggunakan kenderaan komersil berdaftar yang bersesuaian.*

3. Permohonan bagi kebenaran untuk membuat perjalanan mustahak melalui darat dan laut hendaklah dipohonkan ke Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui laman portal JPM: <https://www.pmo.gov.bn/travelportal/Home.aspx>. Sila rujuk **Seksyen B – Kebenaran & Pendaftaran Yang Diperlukan Bagi Perjalanan Darat & Laut**.

**PERJALANAN BUKAN MUSTAHAK:**

4. Perjalanan rentas sempadan melalui darat dan laut bagi tujuan bukan mustahak ("non-essential purpose") adalah **dibenarkan mulai 1 Ogos 2022**. Dengan ini, Kebenaran Masuk "Entry Travel Pass" dan Kebenaran Keluar Negara "Exit Approval" **tidak lagi diperlukan** bagi perjalanan rentas sempadan melalui darat dan laut mulai 1 Ogos 2022.
5. Bagi kemasukan ke Negara Brunei Darussalam melalui darat & laut mulai 1 Ogos 2022, sila rujuk **Garispanduan Bagi Perjalanan Masuk dan Keluar Negara Brunei Darussalam Melalui Udara, Darat Dan Laut** di laman portal JPM (<https://www.pmo.gov.bn/travelportal/Home.aspx>).

## **SEKSYEN A**

### **SYARAT-SYARAT PERJALANAN RENTAS SEMPADAN MELALUI DARAT & LAUT**

#### **A.1 STATUS VAKSINASI:**

A.1.1 Status vaksinasi COVID-19\* **tidak dipersyaratkan** bagi **perjalanan-perjalanan mustahak** yang dikategorikan.

*\*Berkuatkuasa pada 1 Ogos 2022, individu-individu yang membuat perjalanan masuk/keluar Negara Brunei Darussalam melalui darat & laut adalah dikehendaki untuk memenuhi syarat vaksinasi. Sila rujuk **Garis panduan Bagi Perjalanan Masuk dan Keluar Negara Brunei Darussalam Melalui Udara, Darat Dan Laut** di laman portal JPM (<https://www.pmo.gov.bn/travelportal/Home.aspx>).*

#### **A.2 UJIAN COVID-19 SEBELUM BERLEPAS**

A.2.1 Ujian COVID-19 sebelum berlepas bagi individu-individu (tanpa mengira status vaksinasi) yang hendak masuk ke Negara Brunei Darussalam adalah **tidak lagi diperlukan**.

#### **A.3 UJIAN COVID-19 SETELAH KETIBAAN & PENGASINGAN DIRI**

A.3.1 Ujian COVID-19 dan pengasingan diri mandatori setelah ketibaan di Negara Brunei Darussalam adalah **ditiadakan** bagi **individu-individu yang telah lengkap divaksinasi**.

A.3.2 Bagi **individu yang belum lengkap divaksinasi**, mereka dikehendaki untuk:

- (a) Menjalani ujian ART pada Hari ketibaan (Hari Ke-1).
- (b) Menjalani pengasingan diri mandatori sehingga mendapatkan keputusan negatif bagi ujian RT-PCR yang dilakukan pada Hari Ke-3. Ujian RT-PCR bolehlah dibuat di klinik kesihatan yang memberikan perkhidmatan ujian swab RT-PCR, yang mana boleh didapati melalui pautan: <https://www.pmo.gov.bn/EPG/Perjalanan.aspx>
- (c) Membuat pembayaran awal bagi ujian COVID-19 yang akan dijalankan setelah ketibaan yang mana kos pembayaran adalah BND\$100.00. Pembayaran bolehlah dibuat secara dalam talian melalui laman web: [www.healthinfo.gov.bn/travel](http://www.healthinfo.gov.bn/travel)

A.3.3 Ujian COVID-19 setelah ketibaan **tidak diperlukan** bagi individu-individu yang membuat perjalanan atas urusan pekerjaan, atau persekolahan dan perjalanan ulang alik (*commute*) atas tujuan tersebut, perjalanan transit dan perkhidmatan-perkhidmatan kecemasan (seperti ambulans, polis dan tentera).

#### **A.4 INSURAN PERUBATAN PERJALANAN YANG MELIPUTI PERLINDUNGAN COVID-19**

##### **A.4.1 BAGI PERJALANAN MASUK KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

- (a) **Warganegara asing yang akan memasuki Negara Brunei Darussalam atas tujuan lawatan jangka pendek ("short-visit")** yang mana tempoh kelamaan berada di Negara Brunei Darussalam kurang daripada 90 hari **dikehendaki** untuk mendapatkan **Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 (perlindungan minimum BND\$20,000)** Insuran berkenaan hendaklah sah bagi tempoh kelamaan berada di Negara Brunei Darussalam.

##### **A.4.2 BAGI PERJALANAN KELUAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

- (a) **Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang akan membuat perjalanan keluar negara bagi tujuan lawatan pendek ("short-visit")** adalah **dikehendaki** untuk mendapatkan **Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 (perlindungan minimum BND\$20,000)**. Insuran berkenaan hendaklah sah bagi tempoh kelamaan berada di luar negara.

### A.4.3 **PENGECUALIAN**

- (a) Individu-individu yang **dikecualikan** daripada diperlukan untuk mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 adalah seperti berikut:
- (i) Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang akan kembali ke Negara Brunei Darussalam.
  - (ii) Warganegara asing yang akan memasuki Negara Brunei Darussalam atas tujuan bertugas, membuat pengajian atau sebagai tanggungan.
  - (iii) Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang akan membuat perjalanan ke luar negara atas tujuan bertugas, melanjutkan pengajian, sebagai tanggungan; atau mempunyai visa/pas imigresen jangka panjang di negara destinasi.
  - (iv) Penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang akan membuat perjalanan ke negara kerakyatan.
  - (v) Warga perkhidmatan awam yang membuat perjalanan atas tujuan rasmi yang dibiayai oleh pihak Kerajaan. Warga perkhidmatan awam hendaklah menunjukkan dokumen sokongan yang sah yang menyatakan mereka membuat perjalanan rasmi yang dibiayai oleh pihak kerajaan.

### A.5 **VISA**

- A.5.1 **Mana-mana warganegara asing yang dipersyaratkan untuk mendapatkan Visa Kemasukan** untuk memasuki Negara Brunei Darussalam adalah dikehendaki untuk mendapatkan **Visa yang bersesuaian terlebih dahulu** selaras dengan peraturan yang berkuatkuasa pada lazimnya seperti Visa Bekerja, Visa Tanggungan, Visa Lawatan, Visa Lawatan Profesional dan Visa Bisnes.

### A.6 **UJIAN SARINGAN ART BERJADUAL BAGI TRANSPORT OPERATORS**

- A.6.1 **Ujian saringan ART berjadual bagi transport operators** adalah **dihentikan**. Walaubagaimanapun, mereka disarankan untuk membuat ujian ART sendiri dari masa ke semasa dan jika mempunyai simptom jangkitan atau menjadi kontak rapat kepada kes positif.

### A.7 **KEBENARAN / PERMIT / SOKONGAN**

- A.7.1 Individu/*Transport Operators* hendaklah terlebih dahulu mendapatkan **kebenaran / permit / sokongan yang diperlukan daripada agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan**. Sila semak syarat-syarat dan prosedur yang ditetapkan oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan.

### A.8 **BAYARAN KELUAR DAN BAYARAN MASUK (CAJ PERKHIDMATAN (CaP))**

- A.8.1 Mana-mana individu yang hendak keluar dari atau masuk ke Negara Brunei Darussalam melalui pos-pos kawalan darat sama ada menggunakan kenderaan ataupun berjalan kaki (pedestrian) akan dikenakan **Caj Perkhidmatan yang mana kadar caj adalah sebanyak BND\$3.00 seorang bagi setiap satu hala perjalanan**. Permohonan hendaklah dihadapkan melalui *Exit and Entry System (EES)*, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja yang boleh di akses- melalui <https://login.bdnsw.gov.bn/ees>

### A.9 **SYARAT-SYARAT NEGARA DESTINASI**

- A.9.1 Individu/*Transport Operators* dinasihatkan untuk menyemak syarat-syarat dan prosedur perjalanan masuk ke Negara Destinasi.

**SEKSYEN B**  
**KEBENARAN & PENDAFTARAN YANG DIPERLUKAN BAGI**  
**PERJALANAN DARAT & LAUT**

**NOTA:**

Kebenaran masuk "Entry Travel Pass" atau kebenaran keluar negara "Exit Approval" hanya diperlukan bagi perjalanan mustahak melalui darat & laut yang dilaksanakan sebelum 1 Ogos 2022.

**B.1. KEBENARAN MASUK "ENTRY TRAVEL PASS":**

B.1.1 Berikut adalah senarai individu-individu atau kategori perjalanan yang **memerlukan** dan **tidak memerlukan** Kebenaran Masuk "Entry Travel Pass".

MEMERLUKAN KEBENARAN MASUK "ENTRY TRAVEL PASS"	TIDAK MEMERLUKAN KEBENARAN MASUK "ENTRY TRAVEL PASS"
<ul style="list-style-type: none"><li>• Warganegara asing yang akan memasuki Negara Brunei Darussalam bagi tujuan berikut dan memerlukan visa/pas imigresen:<ul style="list-style-type: none"><li>• Urusan mustahak / bisnes / rasmi</li><li>• Atas urusan persekolahan atau pekerjaan dan perjalanan ulang alik (<i>commute</i>) atas tujuan tersebut.</li><li>• Perkhidmatan rawatan perubatan</li><li>• Sebab-sebab kepentingan keluarga</li><li>• Keadaan/Tujuan mendesak</li></ul></li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang akan kembali ke Negara Brunei Darussalam</li></ul>

**B.2. BORANG DEKLARASI KETIBAAN E-HEALTH**

B.2.1 Sebelum memasuki Negara Brunei Darussalam, **KESEMUA individu** hendaklah melengkapkan **Borang Deklarasi Ketibaan E-Health** terlebih dahulu melalui laman web: [www.healthinfo.gov.bn/travel](http://www.healthinfo.gov.bn/travel)

### B.3. KEBENARAN KELUAR NEGARA “EXIT APPROVAL”

B.3.1 Berikut adalah senarai individu-individu atau kategori perjalanan yang **memerlukan** dan **tidak memerlukan** Kebenaran Keluar Negara “Exit Approval” bagi perjalanan keluar negara:


MEMERLUKAN “EXIT APPROVAL”	TIDAK MEMERLUKAN “EXIT APPROVAL”
<p>Rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang membuat perjalanan keluar negara atas sebab/keadaan terdesak seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Keperluan untuk menghadirkan diri di luar negeri bagi sebutan kes atau perbicaraan atas perintah mahkamah luar negeri untuk menghadapi pertuduhan kes jenayah atau sebagai saksi (merangkumi jenayah di bawah Mahkamah Syarikah atau Mahkamah Sivil) dengan pengesahan pihak berkenaan dalam atau luar negeri).</li><li>• Keperluan untuk mendapatkan perkhidmatan rawatan perubatan di luar negeri yang mendesak dengan pengesahan Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam;</li><li>• Melanjutkan pengajian di luar negara dengan pengesahan pihak berkenaan dalam atau luar negeri. Rakyat dan penduduk tetap juga dikehendaki untuk mendapatkan pengesahan melalui Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kementerian Pendidikan, samada pengajian dibiayai oleh pihak Kerajaan mahupun lain-lain sumber pembiayaan;</li><li>• Warganegara dan penduduk Brunei (pemegang Kad Pengenalan Kuning, Ungu dan Hijau) yang tinggal di luar Negara Brunei Darussalam dan berulang-alik untuk bekerja di negara ini melalui jalan darat ATAU sesiapa yang tinggal di negara ini dan berulang-alik untuk bekerja di luar negeri melalui jalan darat.</li><li>• Sebab-sebab kepentingan kekeluargaan.</li><li>• <i>Transport operators</i> yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam</li><li>• Atas urusan pekerjaan, atau persekolahan dan perjalanan ulang alik (<i>commute</i>) atas tujuan tersebut.</li><li>• Perjalanan transit</li><li>• Krew/ anak kapal yang membuat perjalanan laut atas urusan mustahak/pekerjaan.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Mana-mana warganegara asing yang memegang Pas-Pas Imigresen dengan tempoh tinggal yang pendek di negara ini dan bukannya pemegang kad pengenalan hijau yang terdiri daripada Pas Lawatan, Pas Penuntut, Pas Profesional Visit, Business Visit, <i>Special Authorization Work Pass (SAWP)</i> yang hendak keluar negara dan pulang ke negara asal;</li><li>• Mana-mana warganegara asing yang mempunyai Pas Kerja yang akan ditamatkan kontreknya oleh majikan di negara ini dan hendak pulang ke negara asal memadailah dapat menunjukkan bukti pembatalan Pas Pekerjaan di pos- pos kawalan Negara Brunei Darussalam.</li></ul>

### B.4. PENDAFTARAN E-REGISTER

B.4.1 Sebelum membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam, rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam hendaklah melengkapkan **pendaftaran E-Register** secara *online* di laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri melalui pautan: [http://www.mfa.gov.bn/Pages/eRegister\\_desc.aspx](http://www.mfa.gov.bn/Pages/eRegister_desc.aspx)

## TATACARA MEMBUAT PERMOHONAN PERJALANAN RENTAS SEMPADAN MELALUI DARAT & LAUT

**\*\*\*Hanya diperlukan bagi perjalanan mustahak melalui darat dan laut sebelum 1 Ogos 2022\*\*\***



*\*Kebenaran untuk "commuters", perjalanan transit, "transport operators" yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam dan krew/petugas kapal laut diberi tempoh sah laku sehingga 31 Julai 2022.*

**SENARAI SEMAK  
PERJALANAN RENTAS SEMPADAN MELALUI DARAT & LAUT**

	SYARAT-SYARAT		PERENGGAN	ULASAN
SEBELUM MEMASUKI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM	Ujian COVID-19 sebelum berlepas	⊖	A.2.1	Tidak diperlukan
	*Kebenaran "Entry Travel Pass" <i>*Hanya diperlukan bagi perjalanan masuk sebelum 1 Ogos 2022</i>	✓	B.1.1	Bagi warganegara asing atau kategori perjalanan yang memerlukan kebenaran Entry Travel Pass
	Insuran Perubatan Perjalanan Meliputi Perlindungan COVID-19 (Perlindungan minimum BND\$20,000)	✓	A.4.1	Diperlukan bagi warganegara asing yang membuat perjalanan masuk atas tujuan lawatan pendek
	Borang Deklarasi Ketibaan E-Health	✓	B.2.1	Pendaftaran secara online melalui: <a href="http://www.healthinfo.gov.bn/travel">www.healthinfo.gov.bn/travel</a>
	Pembayaran bagi ujian COVID-19 yang dijalankan setelah ketibaan	⊖	A.3.2 (c)	Diperlukan bagi individu yang belum lengkap divaksinasi sahaja.
KETIBAAN	Ujian COVID-19 setelah ketibaan	⊖	A3	Diperlukan bagi individu yang belum lengkap divaksinasi sahaja: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ujian ART pada Hari Ketibaan</li> <li>• Ujian RT-PCR pada Hari Ke-3</li> <li>• Pengasingan Diri Mandatori sehingga mendapatkan keputusan negatif bagi ujian RT-PCR</li> </ul>
	Pengasingan diri mandatori	⊖		
SEBELUM KELUAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM	*Kebenaran "Exit Approval" <i>*Hanya diperlukan bagi perjalanan keluar negara sebelum 1 Ogos 2022</i>	✓	B.3.1	Bagi individu-individu atau kategori perjalanan yang memerlukan kebenaran Exit Approval
	Insuran Perubatan Perjalanan Meliputi Perlindungan COVID-19 (Perlindungan minimum BND\$20,000)	✓	A.4.2	Diperlukan bagi rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang membuat perjalanan keluar negara atas tujuan lawatan pendek
	Pendaftaran E-Register	✓	B.4.1	Pendaftaran secara online melalui laman sesawang KHELN: <a href="http://www.mfa.gov.bn/Pages/eRegister_desc.aspx">http://www.mfa.gov.bn/Pages/eRegister_desc.aspx</a>
	Syarat-syarat Negara Destinasi	✓	A.10	Sila semak syarat-syarat yang ditetapkan oleh Negara Destinasi
LAIN-LAIN	Status Vaksinasi <i>*Berkuatkuasa 1 Ogos 2022, individu-individu dikehendaki untuk memenuhi syarat vaksinasi.</i>	⊖	A.1	Tidak dipersyaratkan
	Visa / Pas Immigresen	✓	A.5	Diperlukan bagi warganegara asing yang memerlukan visa/pas imigresen
	ART Berjadual bagi Transport Operators	⊖	A.6	Tidak diperlukan
	Kebenaran / permit / sokongan yang diperlukan daripada Agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan	✓	A.8	Sila semak syarat-syarat dan prosedur yang ditetapkan oleh Agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan
	Bayaran Keluar dan Bayaran Masuk (CaP)	✓	A.9	Permohonan hendaklah dihadapkan melalui: <a href="https://login.bdns.gov.bn/ees">https://login.bdns.gov.bn/ees</a>

⊖ Tidak diperlukan

✓ Diperlukan